



12 November 2018  
12 November 2018  
P.U. (A) 291

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN  
(PINDAAN) 2018

*FOOD (AMENDMENT) REGULATIONS 2018*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) 2018**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 30 September 2020.

**Pindaan peraturan 285**

2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [*P.U. (A) 437/1985*] dipinda dalam peraturan 285—

(a) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Tiada seorang pun boleh mengilang untuk jualan, menjual, mendedahkan atau menawarkan untuk jualan, mengkonsain atau menyerahkan hantar garam halus atau garam yang beratnya 20 kg atau kurang melainkan jika ia ialah garam halus beriodin atau garam beriodin yang disebut dalam subperaturan (1A) dan garam halus atau garam itu hendaklah dilabelkan dengan perkataan “Garam Halus Beriodin” atau “Garam Beriodin” mengikut mana-mana yang berkenaan, pada bungkusannya.”; dan

(b) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengarahkan supaya dalam kawasan tertentu yang ditetapkan

oleh Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa, tiada seorang pun boleh mengilang untuk jualan, menjual, mendedahkan atau menawarkan untuk jualan, mengkonsain atau menyerahkan hantar garam halus atau garam yang beratnya lebih daripada 20 kg untuk kegunaan rumah dan makanan manusia melainkan jika garam halus atau garam itu ialah garam halus beriodin atau garam beriodin.”.

Dibuat 7 September 2018  
[KKM. 600-1/1/35; PN(PU2)418/XXIV]

DATUK SERI DR. DZULKEFLY BIN AHMAD  
*Menteri Kesihatan*

FOOD ACT 1983

FOOD (AMENDMENT) REGULATIONS 2018

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Food Act 1983 [*Act 281*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Food (Amendment) Regulations 2018**.

(2) These Regulations come into operation on 30 September 2020.

**Amendment of regulation 285**

2. The Food Regulations 1985 [*P.U. (A) 437/1985*] are amended in regulation 285—

(a) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) No person shall manufacture for sale, sell, expose or offer for sale, consign or deliver table salt or salt weighing 20 kg or less unless the table salt or salt is iodised table salt or salt referred to in subregulation (1A) and the table salt or salt shall be labelled with the words “Iodised Table Salt” or “Iodised Salt” as the case maybe, on each of its package.”; and

(b) by substituting for subregulation (3) the following subregulation:

“(3) The Minister may, by notification in the *Gazette*, direct that in certain areas as designated by the Director or any authorised officer, no person shall manufacture for sale, sell, expose or offer for sale, consign or deliver table salt or salt weighing more than 20 kg for household use and human consumption unless it is iodised table salt or iodised salt.”.

Made 7 September 2018  
[KKM. 600-1/1/35; PN(PU2)418/XXIV]

DATUK SERI DR. DZULKEFLY BIN AHMAD  
*Minister of Health*